



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepec.com



**PENYESUAIAN KENDIRI DI SEKOLAH SEBAGAI
PENGANTARA SOKONGAN SOSIAL RAKAN SEBAYA DAN
KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF (SWB) DALAM KALANGAN
REMAJA DI YOGYAKARTA, INDONESIA**

*SELF-ADJUSTMENT AT SCHOOL AS MEDIATING OF PEER SOCIAL SUPPORT
AND SUBJECTIVE WELL-BEING (SWB) AMONG TEENAGERS IN YOGYAKARTA,
INDONESIA*

Uly Gusniarti¹, Jas Laile Jaafar², Fonny D. Hutagalung^{3*}

¹ Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
Email: uly.gusniarti@uii.ac.id

² Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
Email: laile@um.edu.my; jaslaile22@gmail.com

³ Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
Email: fonny@um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 16.07.2024

Revised date: 24.07.2024

Accepted date: 29.08.2024

Published date: 18.09.2024

To cite this document:

Gusniarti, U., Jaafar, J. L., & Hutagalung, F. D. (2024). Penyesuaian Kendiri Di Sekolah Sebagai Pengantara Sokongan Sosial Rakan Sebaya Dan Kesejahteraan Subjektif (SWB) Dalam Kalangan Remaja Di Yogyakarta, Indonesia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (55), 226-240.

DOI: 10.35631/IJEPC.955014

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Abstrak:

Banyak kajian dalam bidang psikologi positif telah menggalakkan penerokaan kesejahteraan remaja. Namun, kajian yang meneroka sokongan sosial rakan sebaya dan penyesuaian sendiri sebagai faktor yang memberi kesan terhadap SWB di sekolah dalam populasi remaja di Indonesia secara serentak masih terhad. Kajian ini mencuba meneroka peranan penyesuaian sendiri sebagai pemboleh ubah pengantara bagi hubungan sokongan sosial rakan sebaya dan SWB dalam kalangan remaja di Indonesia. Seramai 384 remaja (218 perempuan, 166 lelaki, gred 7-9) di Yogyakarta Indonesia telah menjawab soal selidik *Child and Adolescent Social Support Scale* (CASSS) (Malecki et al., 2000) untuk mengukur sokongan sosial rakan sebaya dan penyesuaian sendiri (Olivier et al., 2018) serta *Brief Adolescents' Subjective Well-being in School Scale* (BASWBSS) (Tian et al., 2014) untuk mengukur SWB remaja di sekolah. Hasil kajian mendapati bahawa penyesuaian sendiri memberikan peranan pengantara separa ke atas hubungan sokongan sosial rakan sebaya dan SWB dalam kalangan remaja pelajar di sekolah. Faktor keakraban dengan guru, isolasi dan tingkah laku prososial memberi kesan pengantara separa bagi hubungan sokongan sosial rakan sebaya dan SWB remaja. Manakala, faktor masalah eksternalisasi dan internalisasi serta konflik dengan guru tidak terbukti secara statistik memberikan peranan. Kajian ini memberikan sumbangan yang

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



berharga mengenai satu model multivariat daripada ketiga-tiga pemboleh ubah dalam kalangan remaja awal dan semakin mengukuhkan pandangan peranan positif daripada rakan sebaya terhadap aspek-aspek perkembangan remaja.

Kata Kunci:

Sokongan Sosial Rakan Sebaya, Penyesuaian Kendiri, SWB, Remaja, Indonesia

Abstract:

Numerous studies in positive psychology have spurred investigations into adolescent well-being. However, there remains a need for more research exploring the influence of peer social support and self-adjustment on SWB among adolescents in Indonesia. This present study examines the mediating role of self-adjustment in the relationship between peer social support and SWB among Indonesian adolescents. A sample of 384 adolescents (218 females, 166 males), spanning grades 7-9, from Yogyakarta, Indonesia, completed a battery of self-report questionnaires to assess peer social support, self-adjustment, and SWB. The measures included the Child and Adolescent Social Support Scale (CASSS) developed by Malecki et al. (2000), the Adjustment Scale developed by Olivier et al. (2018), and the Brief Adolescents' Subjective Well-being in School Scale (BASWBSS) developed by Tian et al. (2014). The findings showed that self-adjustment had a partial mediating effect on the relationship between peer social support and SWB among adolescents. The closeness with the teacher, isolation, and prosocial behavior had a partial mediating effect on the relationship between peer social support and SWB. In contrast, the externalizing and internalizing problems and conflict with the teacher were not statistically significant. This study makes a valuable contribution by developing a multivariate model incorporating these three variables, particularly relevant for early adolescents. By emphasizing the importance of peer social support in the holistic development of adolescents, this study underscores the critical role of peers in fostering positive outcomes in adolescent development.

Keywords:

Peer Social Support, Self-Adjustment, SWB, Teenagers, Indonesia

Pengenalan

Pada dekad terakhir ini, telah berlaku peningkatan minat secara signifikan terhadap kajian kesihatan psikologi dan SWB (Cooke et al., 2016). SWB pada usia remaja dianggap penting kerana peningkatan pelaziman gangguan fizikal dan mental akan memberi kesan negatif pada kesihatan dan kualiti hidup sewaktu dewasa (Yun et al., 2019). SWB juga merupakan salah satu indikator kualiti hidup dalam masyarakat (Tov & Diener, 2007). Berdasarkan hasil bancian penduduk tahun 2020 di Indonesia, jumlah generasi Z yang lahir pada tahun 1997 hingga 2012, terdapat seramai 27.94 % remaja di antara usia sekarang 8 hingga 23 tahun dengan jumlah keseluruhan penduduk 270.20 juta orang. Dalam konteks Indonesia, pada tahun 2035, Indonesia secara kuantiti akan mengalami bonus demografi, iaitu keadaan yang mana nisbah penduduk usia produktif lebih banyak berbanding dengan yang tidak produktif (Heryanah, 2015). Menurut Khan et al. (2015), menjamin kesejahteraan psikologi remaja adalah satu keperluan sosiopsikologi. Oleh itu, kanak-kanak dan remaja yang ada sekarang ini merupakan

aset utama untuk kemajuan negara dengan syarat memiliki kualiti yang dalam perspektif psikologi boleh ditafsirkan sebagai individu yang memiliki SWB yang baik.

Masih mengenai tahap SWB, Indonesia sebagai salah satu negara di Timur ternyata memiliki tahap kebahagiaan dan SWB yang relatifnya baik, bahkan termasuk ke dalam kedudukan ke-100 di dunia (Helliwell et al., 2019; Kee, 2014). Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian daripada Indonesia–National Adolescent Mental Health Survey (I-NAMHS) Report (2022), didapati bahawa 1 dari 3 remaja di Indonesia memiliki isu kesihatan mental (34.9 %) dan 1 dari 20 remaja mengalami gangguan mental dengan gangguan kebimbangan adalah yang paling sering remaja alami. I-NAMHS menonjolkan kelaziman kesihatan mental yang lemah dalam kalangan remaja dan keperluan seterusnya adalah untuk pelaburan dalam kesihatan mental dan kesejahteraan remaja (Center for Reproductive Health, University of Queensland, 2022). Sementara itu, kajian asas dalam bidang kesihatan oleh Jabatan Kesihatan Republik Indonesia hanya menyajikan data penduduk berusia melebihi 15 tahun. Terdapat kelaziman anggota keluarga di Yogyakarta yang mengalami gangguan mental kedua tertinggi setelah Bali dan 10.1 % penduduk berusia 15 tahun ke atas mengalami gangguan emosi dan 5.5 % mengalami kemurungan (Tim Riskesdas, 2019). Oleh itu, perlu dikaji SWB dan faktor-faktor yang mempengaruhinya sebagai maklumat kepada pihak yang berkepentingan terutamanya di sekolah-sekolah di mana remaja menghabiskan banyak masa di sana.

Ada banyak faktor yang mempengaruhi SWB. Salah satunya iaitu sokongan sosial. Setakat hari ini, keberkesanan pemboleh ubah sokongan sosial terhadap SWB remaja telah banyak dikaji (Leme et al., 2015; Minch, 2009). Beberapa kajian lepas mengenai hubung kait antara kedua-dua pemboleh ubah menunjukkan hasil yang tidak konsisten (Gülaçti, 2010; Kef & Deković, 2004; Leme et al., 2015; Matsuda et al., 2014). Hasil kajian lepas menunjukkan hubungan yang positif walaupun kecil antara sokongan sosial dan SWB (Chu et al., 2010; Danielson et al., 2009; Liu et al., 2015). Walaupun demikian, kajian yang meneroka hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah di antara kanak-kanak dan remaja secara keseluruhan masih belum jelas (Chu et al., 2010; Gülaçti, 2010; Matsuda et al., 2014). Hasil kajian setakat hari ini masih agak kabur kerana bercampur aduk. Perbezaan hasil kajian berkemungkinan dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu berkaitan isu penggunaan responden kajian, sumber sokongan sosial, pengertian dan pengukuran pemboleh ubah serta pengaruh pemboleh ubah lain yang diramal menguatkan atau melemahkan hubungan sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi (Chu et al., 2010).

Salah satu petunjuk penting dalam kesihatan psikologi dan topik yang sentiasa menarik perhatian banyak ahli psikologi ialah penyesuaian sosial (Yengimolki et al., 2015). Penyesuaian merujuk kepada proses psikologi di mana individu perlu mengelola atau mengatasi tuntutan dan cabaran kehidupan sehari-hari (Weiten et al., 2012). Banyak kajian lepas di Barat mengenai sokongan sosial rakan sebaya dan penyesuaian remaja di sekolah sudah dilakukan oleh Demaray dan Malecki (2002), Demaray et al., (2005), serta Rueger et al., (2008). Berdasarkan kajian Demaray dan Malecki (2002), sokongan sosial rakan sebaya dalam hal ini sumbernya ialah rakan sekelas. Ia dianggap memiliki korelasi yang kuat dengan penyesuaian sendiri pelajar (Rueger et al., 2008). Secara ringkas, semakin banyak kajian yang mengkaji hubungan antara sokongan sosial dan penyesuaian psikologi (Ye, 2016). Walau bagaimanapun, dapatan lepas juga menunjukkan ada korelasi positif namun kurang kuat antara kedua-dua pemboleh ubah (Filipič Sterle et al., 2018; Ye, 2016).

Berdasarkan huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa kajian lepas dengan menggunakan ketiga-tiga pemboleh ubah belum dikaji secara spesifik secara bersama oleh para ahli psikologi. Kajian ini cuba untuk menerokai sokongan sosial rakan sebaya yang akan menjadi peramal kesejahteraan remaja secara langsung atau dipengaruhi oleh penyesuaian sendiri remaja dalam persekitaran sekolah sebagai pemboleh ubah pengantara. Kajian ini juga akan meneroka bagaimana faktor-faktor penyesuaian sendiri remaja memiliki peranan sebagai pengantara hubungan sokongan sosial rakan sebaya dan SWB remaja. SWB sendiri diramalkan sebagai akibat akhir dari pengaruh sokongan sosial rakan sebaya dan keadaan dalaman remaja berkaitan tingkah laku penyesuaian sendiri di sekolah.

Sorotan Kajian

Chu et al. (2010) telah melakukan metaanalisis terhadap 246 kajian dan mendapati hubungan positif namun lemah antara sokongan sosial dan kesejahteraan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Terdapat beberapa faktor yang dijelaskan oleh kajian tersebut. Pertama, berkaitan dengan kepelbagaian definisi dan pengukuran pemboleh ubah. Definisi sokongan sosial oleh pengkaji yang berbeza, walaupun serupa, sering kali mempunyai penekanan yang sedikit berbeza. Sokongan sosial adalah konstruk multidimensi dan oleh itu dianalisis serta diukur melalui pelbagai pendekatan yang berbeza seperti saiz rangkaian sosial seseorang, sejauh mana individu merasakan mereka sebenarnya telah menerima sokongan daripada orang lain atau sejauh mana individu percaya mereka akan menerima sokongan apabila diperlukan (Wills & Fegan, 2001).

Sokongan sosial adalah istilah yang luas yang merangkumi pelbagai ciri spesifik dalam dunia sosial seseorang yang berpotensi mendorong kesejahteraan individu (Cohen et al., 2000), tidak hanya diukur berdasarkan bilangan rakan yang dimiliki. Terdapat juga pendekatan lain yang mengukur sokongan sosial daripada fungsinya iaitu cara individu mempersepsi sokongan emosi, instrumen, maklumat dan penghargaan (Wills & Shinar, 2000). Para pengkaji lepas juga menemukan sokongan yang dipersepsi dan dirasakan ada kaitan dengan aspek positif dan penyesuaian yang baik pada kanak-kanak dan remaja (Malecki & Demaray, 2002).

Selain itu, sumber sokongan juga menjadi faktor yang berperanan terhadap hubungan kait antara sokongan sosial dan SWB. Terdapat pelbagai dapatan kajian hubungan sokongan sosial dengan SWB berdasarkan sumber sokongannya. Kajian Leme et al. (2015), Şahin Baltacı dan Karataş (2015) serta Tian et al. (2016) mendapati bahawa sokongan yang bersumberkan rakan sebaya memberikan pengaruh yang signifikan terhadap SWB remaja. Walau bagaimanapun, ada juga kajian sokongan sosial yang bersumber daripada rakan tidak memberi kesan terhadap SWB responden seperti yang dilakukan oleh Gülaçti (2010) dan Matsuda et al. (2014), sebaliknya sokongan yang bersumber daripada ibu bapa memberi kesan terhadap SWB responden. Sementara kajian Danielson et al. (2009) mendapati sokongan sosial yang bersumber daripada rakan sekelas dan ibu bapa kurang kuat berkorelasi dengan kesejahteraan psikologi sedangkan sumber sokongan guru memiliki korelasi yang tidak langsung dengan kepuasan hidup pelajar dan memberi kesan yang kuat terhadap kepuasan akan sekolah. Hal ini bertentangan dengan hasil dapatan kajian Liu et al. (2015). Liu et al. (2015) mendapati sokongan daripada guru dianggap lebih penting dan memiliki korelasi yang lebih kuat berbanding rakan sebaya.

Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian lepas di atas, pemboleh ubah sokongan sosial dan SWB memiliki hubungan kait. Namun, kekuatan korelasinya bergantung kepada sumber-sumber sokongan sosial. Sokongan daripada ibu bapa dan guru menjadi faktor yang dijangka memiliki peranan terhadap SWB remaja pelajar di sekolah, namun bukan menjadi faktor utama bagi

perkembangan SWB remaja. Sokongan dari rakan sebaya di sekolah mesti menjadi pertimbangan utama.

Tambahan pula, Chu et al. (2010) menyarankan penyelidikan seterusnya dapat meneroka lebih lanjut peranan pemboleh ubah pengantara hubungan antara sokongan dan hasil kesejahteraan ini dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Beberapa pengkaji lepas yang cuba meneroka peranan pemboleh ubah pengantara seperti pencapaian akademik (Tomás et al., 2020), harga diri (Kong & You, 2013; Poudel et al., 2020; Tian et al., 2013; Xi et al., 2017; Yarcheski et al., 2001), kecekapan sendiri akademik (*academic self-efficacy*) (Akanni & Oduaran, 2018) dan pengharapan (*hopefulness*) (Yarcheski et al., 2001) serta kepuasan keperluan psikologi asas seperti autonomi, keterhubungan (*relatedness*) dan kompetensi di sekolah (Tian et al., 2016). Hasil dapatan kajiannya juga pelbagai. Ada yang menunjukkan kesan pengantaraan penuh kesunyian dan harga diri antara sokongan sosial dan kepuasan hidup (Kong & You, 2013). Kajian dalam kalangan remaja pelajar di China oleh Tian et al. (2013) mendapati peranan pemboleh ubah pengantara harga diri dalam mengambil kira hubungan empirikal antara sokongan sosial yang dirasakan yang bersumber daripada ibu bapa, rakan dan guru dengan kesejahteraan sekolah (kepuasan sekolah, kesan positif di sekolah dan kesan negatif di sekolah). Dalam kalangan remaja awal, sokongan ibu bapa dan guru memiliki hubung kait secara signifikan dengan kesejahteraan sekolah. Walau bagaimanapun, hal ini tidak terbukti dalam sokongan rakan. Selain itu, dalam kalangan remaja pertengahan, rakan dan sokongan guru secara signifikan berkaitan dengan kesejahteraan sekolah, tetapi tidak terbukti dalam sokongan ibu bapa. Bagi kedua-dua remaja awal dan pertengahan, harga diri secara umum menjadi pengantara hubungan antara sokongan guru dan kesejahteraan sekolah. Bagi remaja awal, harga diri menjadi pengantara hubungan antara sokongan ibu bapa dan kesejahteraan sekolah. Manakala, bagi remaja pertengahan, harga diri menjadi pengantara hubungan antara sokongan rakan dan kesejahteraan sekolah.

Seterusnya, pemboleh ubah penyesuaian diramalkan memiliki kesan kepada SWB juga sudah dikaji oleh para sarjana. Walaupun hasil dapatan kajian menunjukkan persamaan, kajian-kajian lepas menggunakan pelbagai kaedah penyelidikan. Sebagai contoh, Luhmann et al. (2012) melakukan penyelidikan metaanalisis, Schmidt dan Welsh (2010) menggunakan soal selidik berasaskan web dan ada yang menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk soal selidik atau kajian keratan rentas (Gini et al., 2018; Valsaraj et al., 2017). Selain itu, responden kajiannya juga pelbagai. Ada yang menggunakan pelajar universiti (Schmidt & Welsh, 2010; Valsaraj et al., 2017), walaupun Schmidt dan Welsh (2010) menggunakan pelajar dengan anggota keluarga yang sedang sakit sementara Gini et al. (2018) menggunakan pelajar remaja. Beberapa kajian seperti Luhmann et al. (2012) dan Schmidt dan Welsh (2010) mendapati bahawa penyesuaian memberikan kesan terhadap SWB pada responden. Namun, Luhmann et al. (2012) menggunakan konsep penyesuaian dan SWB secara bertindih kerana individu dikatakan memiliki penyesuaian yang baik ketika tahap SWB-nya melebihi kriteria tertentu saat berada dalam peristiwa hidup tertentu. Sementara penyesuaian dalam kajian Luhmann et al. (2012) dihubungkan dengan peristiwa dalam kehidupan responden. Sedangkan, Schmidt dan Welsh (2010) dalam kajiannya menyatakan bahawa penyesuaian merupakan salah satu bentuk SWB.

Pada tahun 2020, terdapat kajian yang menghubungkan ketiga-tiga pemboleh ubah oleh Tomás et al. Tujuan kajian adalah untuk menganalisis pengaruh sokongan sosial yang dirasakan dari pelbagai sumber seperti dari ibu bapa, guru dan rakan-rakan terhadap SWB remaja, dengan pengantara penyesuaian sekolah. Kajian tersebut menggunakan ketiga-tiga

sumber sokongan sosial sebagai pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah pengantara penyesuaian dan pemboleh ubah bersandar SWB. Ketiga-tiga dimensi sokongan sosial mempengaruhi pengantara dengan cara yang berbeza. Sokongan keluarga adalah peramal yang signifikan secara statistik bagi penyesuaian sekolah dan pencapaian akademik, tetapi sokongan guru hanyalah peramal penting bagi penyesuaian sekolah dan sokongan rakan hanya peramal penting pencapaian akademik. Hipotesis kajian Tomás et al. (2020) tidak terbukti signifikan pada hubungan kait antara sokongan rakan dan SWB dengan penyesuaian sendiri di sekolah sebagai pemboleh ubah pengantara.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Reka bentuk yang akan digunakan pada kajian ini ialah kajian korelasi (*correlational design*) dengan pendekatan kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik (Creswell, 2012). Reka bentuk kajian ini meneliti sama ada terdapat hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah (Kumar, 2010).

Pengkaji menjalankan prosedur pengambilan sampel dengan kaedah pensampelan mudah (*convenience sampling*). Kajian ini melibatkan pelajar sekolah menengah rendah awam dan swasta di Yogyakarta, Indonesia. Berdasarkan jumlah populasi pelajar sekolah menengah rendah di Yogyakarta (N = 128.699) dan jadual Krejcie dan Morgan (Chua, 2006; Krejcie & Morgan, 1970), jumlah sampel minimum yang mesti digunakan adalah sekitar 382 orang. Kajian ini menggunakan 384 remaja pelajar sekolah menengah rendah di Yogyakarta, Indonesia.

Pemboleh ubah sokongan sosial rakan sebaya diukur dengan *Child and Adolescent Social Support Scale* (CASSS) yang dibangunkan oleh Malecki et al. (2000) dan memiliki sifat psikometrik yang baik iaitu kebolehpercayaan dan kesahan diskriminan (Liu et al., 2015; Malecki & Demaray, 2002; Malecki et al., 2014; Tian et al., 2016). Sementara itu, SWB diukur dengan menggunakan *Brief Adolescents' Subjective Well-Being in School Scale* (BASWBSS) yang mempunyai lapan item (Tian et al., 2014) dengan kebolehpercayaan, kesahan konvergen dan kesahan diskriminan yang kuat (Liu et al., 2015; Wijayanti et al., 2020). Penyesuaian sendiri pelajar di sekolah diukur dengan menggunakan pengubahsuaian soal selidik yang dibangunkan oleh Olivier et al. (2018).

Setelah mendapatkan surat izin kajian berkaitan etika untuk penyelidikan ini yang dikeluarkan oleh *University of Malaya Research Ethical Committee* (UMREC) dengan nombor rujukan UM.TNC2/UMREC_1441, pengkaji mengirimkan surat iringan untuk pengambilan data di sekolah-sekolah yang ada di Yogyakarta. Surat iringan ini ditujukan kepada pengetua sekolah dikeluarkan oleh Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Penyelidik bekerja sama dengan guru yang dilantik oleh pengetua untuk melakukan proses pengambilan data di lapangan. Setelah mendapat persetujuan, surat yang mengandungi borang kajian dan persetujuan telah dihantar kepada ibu bapa ataupun penjaga pelajar. Hanya pelajar yang membawa balik borang kebenaran yang ditandatangani oleh ibu bapa dan yang memberi persetujuan mereka sendiri mengambil bahagian dalam kajian ini.

Setelah dilakukan penjadualan data berdasarkan proses pengambilan data, serangkaian ujian statistik dilakukan. Analisis inferensi digunakan untuk menguji perkaitan antara pemboleh ubah pada kajian dengan menggunakan perisian komputer JAMOV, versi 1.6.23.

Dapatan Kajian

Satu siri analisis regresi telah dijalankan untuk menguji hipotesis penyesuaian sendiri yang merupakan pemboleh ubah pengantara ke atas hubungan antara sokongan sosial rakan sebaya dan SWB. Hasil analisis terhadap model pengantaraan mudah (*simple mediation model*) ditunjukkan oleh Jadual 1.

Jadual 1 Mediation Estimates

Effect	Label	Estimate	SE	Z	p	% Mediation
Indirect	$a \times b$	0.31	0.06	5.58	0.00	37.9
Direct	c	0.50	0.10	5.02	0.00	62.1
Total	$c + a \times b$	0.80	0.10	7.82	0.00	100.0

Berdasarkan Jadual 1 di atas, terdapat hubungan langsung (*direct*) yang signifikan antara sokongan sosial rakan sebaya dengan SWB ($B = 0.50$, $Z = 5.02$, $p = 0.00$). Anggaran pengantara secara tidak langsung juga menunjukkan ada hubungan yang signifikan sehingga hipotesis yang berbunyi penyesuaian sendiri merupakan pemboleh ubah pengantara ke atas hubungan antara sokongan sosial rakan sebaya dan SWB diterima. Walaupun hasil analisis menunjukkan pengantara separa, peratusan lebih besar untuk kesan secara langsung (62.1 %) berbanding tidak langsung (37.9 %).

Jadual 2 Path Estimates

		Label	Estimate	SE	Z	p
Sokongan Sosial Rakan Sebaya →	Penyesuaian Kendiri	a	-0.96	0.14	-7.11	0.00
Penyesuaian Kendiri →	SWB	b	-0.32	0.04	-9.00	0.00
Sokongan Sosial Rakan Sebaya →	SWB	c	0.50	0.10	5.02	0.00

Analisis untuk mengetahui peranan daripada masing-masing faktor dalam pemboleh ubah penyesuaian sendiri dilakukan melalui ujian Model pengantaraan GLM (*GLM mediation model*) yang hasilnya ditunjukkan oleh Jadual 3. Berdasarkan Jadual 3, terdapat hubungan langsung (*direct*) yang signifikan antara sokongan sosial rakan sebaya dengan SWB remaja dengan mengawal penyesuaian sendiri ($p = 0.00$). Anggaran pengantara secara tidak langsung juga menunjukkan ada hubungan yang signifikan untuk faktor-faktor penyesuaian sendiri seperti keakraban pelajar dengan guru ($p = 0.00$), isolasi ($p = 0.01$) dan prososial ($p = 0.00$). Sedangkan permasalahan eksternalisasi ($p = 0.12$), permasalahan internalisasi ($p = 0.13$) dan konflik dengan guru ($p = 0.17$) menunjukkan tidak ada peranan sebagai pengantara terhadap hubungan sokongan sosial rakan sebaya dan SWB.

Jadual 3 Anggaran Pengantaraan Faktor-Faktor Penyesuaian Kendiri

Bab 6 Pengantar Pengantar dan Faktor Pengantar Rendah										Kesimpulan		
Tipe	Kesan	Estimate	SE	95% C.I. (a)		β	z	p				
				Rendah	Atas							
Komponen	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ Permasalahan Eksternalisasi	a	-0.12	0.03	-0.19	-0.06	-0.20	-4.01	0.00			
Indirect	Permasalahan Eksternalisasi $\Rightarrow$ SWB	b	-0.26	0.15	-0.55	0.04	-0.08	-1.69	0.09			
	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ Eksternalisasi $\Rightarrow$ SWB	a x b	0.03	0.02	-0.01	0.07	0.02	1.56	0.12	Permasalahan eksternalisasi tidak berperanan sebagai pengantara		
Direct	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ SWB	c	0.40	0.11	0.19	0.61	0.19	3.78	0.00			
	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ Permasalahan Internalisasi	a	-0.17	0.05	-0.27	-0.06	-0.16	-3.16	0.00			
Indirect	Permasalahan Internalisasi $\Rightarrow$ SWB	b	-0.15	0.09	-0.33	0.02	-0.08	-1.75	0.08			
	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ Permasalahan Internalisasi $\Rightarrow$ SWB	a x b	0.03	0.02	-0.01	0.06	0.01	1.53	0.13	Permasalahan internalisasi tidak berperanan sebagai pengantara		
Direct	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ SWB	c	0.40	0.11	0.19	0.61	0.19	3.78	0.00			
	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ Keakraban dengan Guru	a	-0.26	0.05	-0.35	-0.16	-0.27	-5.39	0.00			
Indirect	Keakraban dengan Guru $\Rightarrow$ SWB	b	-0.54	0.10	-0.74	-0.35	-0.25	-5.51	0.00			
	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ Keakraban dengan Guru $\Rightarrow$ SWB	a x b	0.14	0.04	0.07	0.21	0.07	3.85	0.00	Keakraban dengan Guru berperanan sebagai pengantara separa		
Direct	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ SWB	c	0.40	0.11	0.19	0.61	0.19	3.78	0.00			
	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ Konflik dengan Guru	a	-0.07	0.04	-0.15	0.02	-0.08	-1.55	0.12			
Indirect	Konflik dengan Guru $\Rightarrow$ SWB	b	-0.33	0.11	-0.55	-0.12	-0.13	-3.05	0.00			
	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ Konflik dengan Guru $\Rightarrow$ SWB	a x b	0.02	0.02	-0.01	0.05	0.01	1.38	0.17	Konflik dengan Guru tidak berperanan sebagai pengantara		
Direct	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ SWB	c	0.40	0.11	0.19	0.61	0.19	3.78	0.00			
	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ Isolasi	a	-0.22	0.04	-0.29	-0.14	-0.28	-5.73	0.00			
Indirect	Isolasi $\Rightarrow$ SWB	b	-0.40	0.12	-0.64	-0.15	-0.15	-3.18	0.00			
	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ Isolasi $\Rightarrow$ SWB	a x b	0.09	0.03	0.03	0.15	0.04	2.78	0.01	Isolasi berperanan sebagai pengantara separa		
Direct	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ SWB	c	0.40	0.11	0.19	0.61	0.19	3.78	0.00			
	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ Prososial	a	-0.13	0.02	-0.17	-0.09	-0.31	-6.33	0.00			
Indirect	Prososial $\Rightarrow$ SWB	b	-0.75	0.23	-1.19	-0.30	-0.15	-3.28	0.00			
	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ Prososial $\Rightarrow$ SWB	a x b	0.10	0.03	0.03	0.16	0.05	2.91	0.00	Prososial berperanan sebagai pengantara separa		
Direct	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ SWB	c	0.40	0.11	0.19	0.61	0.19	3.78	0.00			
Total	Sokongan Sosial Rakan Sebaya $\Rightarrow$ SWB		0.80	0.10	0.60	1.01	0.37	7.81	0.00			

Nota. Selang keyakinan dikira dengan kaedah: Standard (kaedah Delta)
Nilai Beta adalah saiz kesan (*effect sizes*) yang sepenuhnya distandardkan

Perbincangan

Hasil kajian metaanalisis daripada Chu et al., (2010) mendapati bahawa kajian-kajian lepas yang menerokai hubung kait antara sokongan sosial dan kesejahteraan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja secara keseluruhannya masih tidak jelas. Hasil kajian lepas menunjukkan korelasi yang positif tetapi nilai korelasinya terlalu minimum antara kedua-dua pemboleh ubah berkenaan. Ada juga kajian-kajian lepas yang langsung tidak memperolehi hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut (Gülaçti, 2010; Matsuda et al., 2014). Bertitik tolak daripada hasil keputusan yang bercampur-campur ini, Chu et al. (2010) berpendapat hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini kurang kuat kerana ada kemungkinan perlu ada pembolehubah lain yang berperanan sebagai pengantara, dalam kes ini, penyesuaian sendiri.

Antara pengkaji-pengkaji lepas yang cuba meneroka peranan penyesuaian sendiri sebagai pemboleh ubah pengantara antara sokongan sosial dan kesejahteraan adalah seperti Akanni dan Oduaran (2018), Amish et al., (2021) serta Tomás et al., (2020) yang mendapati keputusan kajian yang pelbagai. Kajian ini mendapati pemboleh ubah penyesuaian sendiri memiliki peranan sebagai pemboleh ubah pengantara terhadap hubung kait antara sokongan sosial rakan sebaya dan SWB secara separa.

Kajian ini mendapati ada tiga keputusan signifikan iaitu wujud peranan pengantara separa penyesuaian sendiri faktor keakraban, isolasi dan tingkah laku prososial bagi hubungan antara sokongan sosial rakan sebaya dan SWB remaja. Pengantara separa di sini bermaksud hubungan signifikan yang wujud hanya berlaku dalam keadaan hubungan tidak langsung antara sokongan sosial rakan sebaya dengan SWB dan hubungan ini diperantarakan oleh penyesuaian sendiri. Dengan kata-kata lain, keputusan ini bermaksud kesan secara langsung pemboleh ubah sokongan sosial rakan sebaya dan SWB lebih kuat berbanding kesan tidak langsung (melalui pengantaraan penyesuaian sendiri). Oleh itu, pengaruh penyesuaian dalam faktor keakraban dengan guru, isolasi dan prososial tetap ada atau signifikan sebagai pengantara, cuma peranannya hanyalah secara tidak langsung.

Sehubungan dengan dapatan kajian ini, amat perlu disebut bahawa kaedah melihat peranan pengantara sama ada pengantara penuh atau separa sudah dikritik oleh beberapa golongan ahli psikologi. Baron dan Kenny (1986) serta Preacher dan Hayes (2008) mengatakan menggunakan kaedah ini tidak ada gunanya kerana jika korelasi antara pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar yang utama itu kuat, pemboleh ubah apa sekali pun yang dipilih menjadi pengantara atau dikaji kesan pengantaranya, akan turut terkena tempias korelasi kuat tadi. Oleh itu, ada kebarangkalian yang pemboleh ubah pengantara kajian ini iaitu penyesuaian sendiri menjadi pengantara separa yang signifikan akibat korelasi kuat antara sokongan sosial rakan sebaya dan SWB.

Sepertimana yang dibahaskan oleh Baron dan Kenny (1986) serta Preacher dan Hayes (2008) tadi, bagi menunjukkan fungsi pengantaraan satu pemboleh ubah, seseorang pengkaji mesti mewujudkan hubungan yang kuat antara peramal dan pemboleh ubah pengantara serta pemboleh ubah pengantara dan satu atau beberapa pemboleh ubah endogen. Ekoran dari perbincangan ini, ramai pengkaji telah mula menerokai beberapa pemboleh ubah lain sebagai pengantara. Misalnya, kajian mengenai sokongan sosial khususnya daripada rakan sebaya yang didapati memiliki korelasi yang kuat dengan penyesuaian sendiri (Bulgan & Çiftçi, 2018; Demaray et al., 2005; Filipič Sterle et al., 2018; Tao et al., 2000). Demikian juga korelasi yang kuat antara penyesuaian sendiri dengan SWB (Misero & Hawadi, 2012; Valsaraj et al., 2017). Jika boleh dikatakan, pengkaji-pengkaji ini rata-rata memperolehi keputusan yang sama aliran

dengan keputusan kajian ini dan apa yang boleh disimpulkan ialah nampaknya apa yang dikemukakan oleh Baron dan Kenny (1986) dan Preacher dan Hayes (2008) tadi ada kebenarannya. Jadi, peranan pengantara pemboleh ubah penyesuaian sendiri dalam kajian ini hanyalah separa sahaja berkemungkinan kerana kajian ini telah mendapati wujud korelasi yang kuat antara pemboleh ubah sokongan sosial rakan sebaya dan SWB secara langsung, tanpa melalui pengantara penyesuaian sendiri.

Keputusan kajian ini selari dengan kajian sebelum ini. Misalnya, Amish et al. (2021) menyatakan bahawa penyesuaian psikologi merupakan pengantara separa hubungan sokongan sosial dengan kesihatan mental responden dewasa. Sebenarnya, banyak kajian lepas yang mendapati tahap SWB dalam kalangan remaja akhir dan dewasa dipengaruhi juga oleh sokongan sosial rakan sebaya (Cobo-Rendón et al., 2020; Khatiwada et al., 2021). Oleh itu, tidak menghairankan bahawa analisis serentak hubungan di antara sokongan sosial rakan sebaya dan SWB dengan pemboleh ubah pengantara penyesuaian sendiri dalam sebahagian faktor menjadi signifikan dalam kajian ini.

Walaupun tidak didapati kesan penuh daripada peranan semua faktor penyesuaian sendiri, masih terdapat sebahagian dimensi dalam penyesuaian sendiri di sekolah memberikan sumbangan secara separa sahaja. Keputusan kajian ini telah mendapati sekurang-kurangnya faktor keakraban dengan guru, faktor isolasi dari rakan sebaya dan tingkah laku prososial dalam dimensi penyesuaian sendiri adalah penting dalam menyumbang kepada SWB remaja terutamanya jika remaja itu mempunyai persepsi yang dia memperoleh sokongan sosial yang kuat daripada rakan sebaya di sekolah.

Peranan pengantara penyesuaian sendiri dalam kajian di negara Asia lainnya seperti India ada terbukti berperanan separa sahaja dalam responden dewasa (Amish et al., 2021). Manakala, dalam populasi Barat tidak terbukti memberikan peranan pengantara (Tomás et al., 2020). Sementara itu, kajian ini mendapati bukti sebahagian faktor penyesuaian sendiri di sekolah berperanan sebagai pemboleh ubah pengantara dalam responden kajian remaja awal yang bersekolah dalam lingkungan budaya yang kuat kolektivistiknya iaitu Jawa. Perkara yang ingin dijelaskan di sini ialah belum ada kajian yang menghubungkan antara sokongan sosial rakan sebaya dan SWB dengan peranan separa penyesuaian sendiri remaja awal khususnya di Indonesia. Kajian ini merupakan corak pertama yang meneroka faktor-faktor penyesuaian sendiri sebagai pemboleh ubah pengantara sokongan sosial rakan sebaya dan SWB.

Kesimpulan

Tujuan utama kajian ini adalah menyiasat kesan pengantara penyesuaian sendiri dalam hubungan di antara sokongan sosial rakan sebaya dan hubungannya terhadap SWB remaja sekolah menengah rendah di Yogyakarta Indonesia. Analisis pengantara sederhana menunjukkan bahawa pemboleh ubah penyesuaian sendiri memberi kesan pengantara separa terhadap hubungan kedua-dua pemboleh ubah. Faktor keakraban dengan guru, isolasi dan tingkah laku prososial terbukti secara statistik memberi kesan pengantara separa hubung kait sokongan sosial rakan sebaya dan SWB remaja. Hasil analisis pengantaraan ini menguatkan bahawa ada korelasi yang positif secara langsung sokongan sosial rakan sebaya dan SWB. Seterusnya, kurangnya permasalahan penyesuaian sendiri di sekolah memberi kesan kuat terhadap tingginya SWB. Demikian juga sokongan rakan sebaya yang kuat mengurangkan permasalahan penyesuaian remaja di sekolah. Oleh itu, sumbangan terbesar dalam kajian ini kepada literatur SWB di sekolah dalam kalangan remaja adalah pengujian model statistik

multivariat yang menghubungkan sokongan sosial rakan sebaya, penyesuaian sendiri dan SWB.

Kajian ini masih memiliki banyak kekurangan. Pengkaji lain diharapkan dapat melanjutkan kajian dengan mempertimbangkan cadangan sebagai berikut:

Pertama, berkaitan dengan kaedah kajian keratan rentas yang masih memiliki kelemahan. Maka, bagi meningkatkan kesan kausaliti dalam hubungan kait pemboleh ubah perlu dikaji dengan pendekatan kajian lain seperti longitudinal dan eksperimental. Secara praktikal, pengkaji selanjutnya dapat melakukan pengambilan data pada awal dan akhir semester bagi menghindari kesalahan keputusan kerana kajian keratan rentas kurang mempertimbangkan urutan waktu yang jelas sehingga boleh melihat kesan daripada pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Lebih banyak kajian longitudinal diperlukan untuk menjelaskan arah, saiz kesan dan perantaraan atau penyederhanaan perhubungan antara SWB dan faktor-faktornya. Selain itu, pengumpulan data longitudinal memungkinkan pelaksanaan kajian eksperimental untuk memudahkan intervensi bagi peningkatan SWB (Das et al., 2020).

Selanjutnya, berkaitan sampel kajian. Sampel kajian perlu diperluas kuantiti dan populasinya bagi membolehkan proses generalisasi hasil dapatan kajian. Replikasi kajian terhadap sampel yang berbeza suku bangsa, darjah dan usia juga dapat dilakukan. Selain itu, hal ini dapat menguatkan sokongan terhadap teori juga penggunaan instrumen secara lebih luas kepada remaja dari berbagai suku dan daerah yang ada di Indonesia. Pengkaji sudah berusaha melakukan pemilihan sampel sekolah secara rawak, namun tidak semua sekolah yang terpilih dan diberi surat permohonan memberikan respon bersedia untuk menjadi lokasi kajian.

Selain daripada itu, kajian ini hanya berfokus kepada responden kajian remaja awal yang berada di sekolah menengah rendah. Perluasan karakteristik responden diperlukan selain untuk mendapatkan hasil dapatan kajian-kajian berkaitan dengan sifat psikometrik yang lebih luas daripada penggunaan alat ukur ketiga-tiga pemboleh ubah dan juga untuk menguji kekuatan hubungan kait antara ketiga-tiga pemboleh ubah dalam populasi yang lebih luas lagi seperti pelajar sekolah rendah, sekolah menengah tinggi dan pelajar universiti daripada pelbagai suku dan daerah di Indonesia.

Berkenaan dengan penggunaan instrumen kajian, semua skala yang digunakan adalah laporan sendiri. Oleh itu, dapatan kajian mungkin berbeza jika kaedah pengumpulan data lain digunakan. Misalnya, persepsi tentang kedekatan dan konflik dengan guru tidak mencerminkan kondisi yang sebenarnya atau kesungguhan responden dalam menjawab soalan sesuai dengan keadaan sendiri. Oleh itu, pihak lain seperti guru dan rakan sebaya diperlukan untuk memberikan penilaian terhadap responden kajian sehingga dapatan yang lebih objektif diperoleh.

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak menerima geran khusus daripada mana-mana agensi sama ada agensi kerajaan atau agensi swasta. Tiada potensi konflik kepentingan dalam menyiapkan laporan penyelidikan ini.

Rujukan

Akanni, A. A., & Oduaran, C. A. (2018). Perceived social support and life satisfaction among freshmen: Mediating roles of academic self-efficacy and academic adjustment. *Journal of Psychology in Africa*, 28(2), 89–93. <https://doi.org/10.1080/14330237.2018.1454582>

- Amish, Kumar Gupta, V., Chauhan, R., Singh, A., & Pratap Singh, A. (2021). A Cross-sectional study to test mediation model of psychological adjustment in relationship between social support and mental health. *American Journal of Applied Psychology*, 10(5), 101–109. <https://doi.org/10.11648/j.ajap.20211005.11>
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: conceptual, strategic, and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51(6), 1173–1182. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.51.6.1173>
- Bulgan, G., & Çiftçi, A. (2018). Work-family balance and psychosocial adjustment of international students. *Journal of International Students*, 8(2), 1079–1107. <https://doi.org/10.5281/zenodo.1231390>
- Center for Reproductive Health, University of Queensland, & J. H. B. S. of P. H. (2022). *Indonesia – National Adolescent Mental Health Survey (I-NAMHS) Report*.
- Chu, P. Sen, Saucier, D. A., & Hafner, E. (2010). Meta-analysis of the relationships between social support and well-being in children and adolescents. *Journal of Social and Clinical Psychology*, 29(6), 624–645. <https://doi.org/10.1521/jscp.2010.29.6.624>
- Chua, L. C. (2006). Sample size estimation using Krejcie and Morgan and Cohen Statistical Power Analysis: A comparison. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 7, 78–86.
- Cobo-Rendón, R., López-Angulo, Y., Pérez-Villalobos, M. V., & Díaz-Mujica, A. (2020). Perceived social support and its effects on changes in the affective and eudaimonic well-being of Chilean university students. *Frontiers in Psychology*, 11(December). <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.590513>
- Cohen, S., Gottlieb, B. H., & Underwood, L. G. (2000). Social relationships and health. In S. Cohen, L. G. Underwood, & B. H. Gottlieb (Eds.), *Social Support Measurement and Intervention. A Guide for Health and Social Scientists* (pp. 3–28). New York: Oxford University Press.
- Cooke, P. J., Melchert, T. P., & Connor, K. (2016). Measuring well-being: A review of instruments. *Counseling Psychologist*, 44(5). <https://doi.org/10.1177/0011000016633507>
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research. Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. (P. A. Smith, Ed.) (Fourth). Boston: Pearson.
- Danielsen, A. G., Samdal, O., Jorn, H., & Wold, B. (2009). School-related social support and students' perceived life satisfaction. *The Journal of Educational Research*, 102(4), 303–318.
- Das, K. V., Jones-Harrell, C., Fan, Y., Ramaswami, A., Orlove, B., & Botchwey, N. (2020). Understanding subjective well-being: perspectives from psychology and public health. *Public Health Reviews*, 41(1), 1–32. <https://doi.org/10.1186/s40985-020-00142-5>
- Demaray, M. K., & Malecki, C. K. (2002). Critical levels of perceived social support associated with student adjustment. *School Psychology Quarterly*, 17(3), 213–241. <https://doi.org/10.1521/scpq.17.3.213.20883>
- Demaray, M. K., Malecki, C. K., Davidson, L. M., Hodgson, K. K., & Rebus, P. J. (2005). The relationship between social support and student adjustment: A longitudinal analysis. *Psychology in the Schools*, 42(7), 691–706. <https://doi.org/10.1002/pits.20120>
- Filipič Sterle, M., Vervoort, T., & Verhofstadt, L. L. (2018). Social support, adjustment, and psychological distress of help-seeking expatriates. *Psychologica Belgica*, 58(1), 297–317. <https://doi.org/10.5334/pb.464>
- Gini, G., Marino, C., Pozzoli, T., & Holt, M. (2018). Associations between peer victimization, perceived teacher unfairness, and adolescents' adjustment and well-being. *Journal of School Psychology*, 67(August 2017), 56–68. <https://doi.org/10.1016/j.jsp.2017.09.005>

- Gülaçti, F. (2010). The effect of perceived social support on subjective well-being. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 2(2), 3844–3849. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.03.602>
- Helliwell, J. F., Layard, R., & Sachs, J. D. (2019). *World happiness report*.
- Heryanah, H. (2015). Ageing population dan bonus demografi kedua di Indonesia. *Populasi*, 23(2), 1. <https://doi.org/10.22146/jp.15692>
- Kee, L. Y. (2014). *Country level analysis of subjective well-being and happiness*. Kuala Lumpur: Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya. Retrieved from <https://books.google.com.my/books?id=fFVqAQAACAAJ>
- Kef, S., & Deković, M. (2004). The role of parental and peer support in adolescents well-being: A comparison of adolescents with and without a visual impairment. *Journal of Adolescence*, 27(4), 453–466. <https://doi.org/10.1016/j.adolescence.2003.12.005>
- Khan, Y., Taghdisi, M. H., & Nourijelyani, K. (2015). Psychological well-being (PWB) of school adolescents aged 12-18 yr, its correlation with general levels of physical activity (PA) and socio-demographic factors in Gilgit, Pakistan. *Iranian Journal of Public Health*, 44(6), 804–813.
- Khawiwada, J., Muzembo, B. A., Wada, K., & Ikeda, S. (2021). The effect of perceived social support on psychological distress and life satisfaction among Nepalese migrants in Japan. *PLoS ONE*, 16(2 February). <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0246271>
- Kong, F., & You, X. (2013). Loneliness and self-esteem as mediators between social support and life satisfaction in late adolescence. *Social Indicators Research*, 110(1), 271–279. <https://doi.org/10.1007/s11205-011-9930-6>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- Kumar, R. (2010). *Research Methodology A Step-by-Step Guide for Beginners*. SAGE Publications Ltd.
- Leme, V. B. R., Del Prette, Z. A. P., & Coimbra, S. (2015). Social skills, social support and well-being in adolescents of different family configurations. *Paideia*, 25(60), 9–17. <https://doi.org/10.1590/1982-43272560201503>
- Liu, W., Mei, J., Tian, L., & Huebner, E. S. (2015). Age and gender differences in the relation between school-related social support and subjective well-being in school among students. *Social Indicators Research*, 125(3), 1065–1083. <https://doi.org/10.1007/s11205-015-0873-1>
- Luhmann, M., Hofmann, W., Eid, M., & Lucas, R. E. (2012). Subjective well-being and adaptation to life events: A meta-analysis. *Journal of Personality and Social Psychology*, 102(3), 592–615. <https://doi.org/10.1037/a0025948>
- Malecki, C. K., & Demaray, M. K. (2002). Measuring perceived social support: Development of the Child and Adolescent Social Support Scale (CASSS). *Psychology in the Schools*, 39(1), 1–18. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1002/pits.10004>
- Malecki, C. K., Demaray, M. K., & Elliott, S. N. (2014). *A working manual on the development of the child and adolescent social support scale (2000)*. Illinois. Retrieved from <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1002/pits.10004/abstract>
- Matsuda, T., Tsuda, A., Kim, E., & Deng, K. (2014). Association between perceived social support and subjective well-being among Japanese, Chinese, and Korean college students. *Psychology*, 5(April), 491–499. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.4236/psych.2014.56059>
- Minch, D. R. (2009). *Interrelationships among personality, perceived classmate support, and life satisfaction in adolescents*. University of South Florida.

- Misero, P. S., & Hawadi, L. F. (2012). Adjustment problems dan psychological well-being pada siswa akseleran (studi korelasional pada SMPN 19 Jakarta dan SMP Labschool Kebayoran Baru). *Jurnal Psikologi Pitutur*, 1(1).
- Olivier, E., Archambault, I., & Dupéré, V. (2018). Boys' and girls' latent profiles of behavior and social adjustment in school: Longitudinal links with later student behavioral engagement and academic achievement? *Journal of School Psychology*, 69(May), 28–44. <https://doi.org/10.1016/j.jsp.2018.05.006>
- Poudel, A., Gurung, B., & Khanal, G. P. (2020). Perceived social support and psychological wellbeing among Nepalese adolescents: The mediating role of self-esteem. *BMC Psychology*, 8(1), 1–8. <https://doi.org/10.1186/s40359-020-00409-1>
- Preacher, K. J., & Hayes, A. F. (2008). Asymptotic and resampling strategies for assessing and comparing indirect effects in multiple mediator models. *Behavior Research Methods*, 40(3), 879–891. <https://doi.org/10.3758/BRM.40.3.879>
- Rueger, S. Y., Malecki, C. K., & Demaray, M. K. (2008). Gender differences in the relationship between perceived social support and student adjustment during early adolescence. *School Psychology Quarterly*, 23(4), 496–514. <https://doi.org/10.1037/1045-3830.23.4.496>
- Şahin Baltacı, H., & Karataş, Z. (2015). Perceived social support, depression and life satisfaction as the predictor of the resilience of secondary school students: the case of Burdur. *Eurasian Journal of Educational Research*, (60), 111–130. <https://doi.org/10.14689/ejer.2015.60.7>
- Schmidt, C. K., & Welsh, A. C. (2010). College adjustment and subjective well-being when coping with a family member's illness. *Journal of Counseling & Development*, 88, 397–406.
- Tao, S., Dong, Q., Pratt, M. W., Hunsberger, B., & Pancer, S. M. (2000). Social support: relation to coping and adjustment during the transition to university in the People's Republic of China. *Journal of Adolescent Research*, 15(1), 123–144.
- Tian, L., Liu, B., Huang, S., & Huebner, E. S. (2013). Perceived social support and school well-being among Chinese early and middle adolescents: The mediational role of self-esteem. *Social Indicators Research*, 113(3), 991–1008. <https://doi.org/10.1007/s11205-012-0123-8>
- Tian, L., Tian, Q., & Huebner, E. S. (2016). School-related social support and adolescents' school-related subjective well-being: The mediating role of basic psychological needs satisfaction at school. *Social Indicators Research*, 128(1), 105–129. <https://doi.org/10.1007/s11205-015-1021-7>
- Tian, L., Wang, D., & Huebner, E. S. (2014). Development and validation of the brief adolescents' subjective well-being in school scale (BASWBSS). *Social Indicators Research*, 120(2). <https://doi.org/10.1007/s11205-014-0603-0>
- Tim Riskesdas. (2019). *Laporan Nasional RISKESDAS 2018*. Jakarta.
- Tomás, J. M., Gutiérrez, M., Pastor, A. M., & Sancho, P. (2020). Perceived social support, school adaptation and adolescents' subjective well-being. *Child Indicators Research*, 13(5), 1597–1617. <https://doi.org/10.1007/s12187-020-09717-9>
- Tov, W., & Diener, E. (2007). Culture and subjective well-being. In S. Kitayama & D. Cohen (Eds.), *Handbook of cultural psychology* (pp. 691–713). New York: The Guilford Press.
- Valsaraj, B. P., Savitha, & Nayak, S. D. (2017). Adjustment, perceived safety and mental wellbeing among professional college students. *Manipal Journal of Nursing and Health Sciences*, 3(1), 16–22. Retrieved from https://www.jstor.org/stable/20152398?seq=1#page_scan_tab_contents

- Weiten, W., Dunn, D. S., & Hammer, E. Y. (2012). *Psychology applied to modern life. Adjustment in the 21st century*. (J.-D. Hague, Ed.) (Tenth). Belmont: Wadsworth Cengage Learning.
- Wijayanti, P. A. K., Yudiana, W., & Pebriani, L. V. (2020). Factors affecting subjective well-being In school. *Talent Development & Excellence*, 12(1), 3217–3228. Retrieved from <http://www.iratde.com>
- Wills, Thomas A., & Shinar, O. (2000). Measuring perceived and received social support. In S. Cohen, L. G. Underwood, & B. H. Gottlieb (Eds.), *Social Support Measurement and Intervention. A Guide for Health and Social Scientists* (pp. 86–135). New York: Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/med:psych/9780195126709.003.0004>
- Wills, Thomas Ashby, & Fegan, M. F. (2001). Social networks and social support. In A. Baum, T. A. Revenson, & J. E. Singer (Eds.), *Handbook of health psychology* (pp. 209–234). New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates. <https://doi.org/10.5860/choice.38-5852>
- Xi, X., Wang, Y., & Jia, B. (2017). The effect of social support on subjective well-being: Mediator roles of self-esteem and self-efficacy. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 121, 493–505. <https://doi.org/10.2991/ichssr-17.2017.101>
- Yarcheski, A., Mahon, N. E., & Yarcheski, T. J. (2001). Social support and well-being in early adolescents. *Clinical Nursing Research*, 10(2), 163–181.
- Ye, M. (2016). *Social support benefits psychological adjustment of international students : Evidence from a meta-Analysis*. Tilburg University.
- Yengimolki, S., Kalantarkousheh, S. M., & Malekitabar, A. (2015). Self-concept, social adjustment and academic achievement of Persian students. *International Review of Social Sciences and Humanities*, 8(2), 50–60.
- Yun, E. K., Lee, H., Lee, J. U., Park, J. H., Noh, Y. M., Song, Y. G., & Park, J. H. (2019). Longitudinal effects of body mass index and self-esteem on adjustment from early to late adolescence. *Journal of Nursing Research*, 27(1), 1–7. <https://doi.org/10.1097/jnr.0000000000000266>